



MAJLIS PERASMIAN SEMINAR TRANSFORMASI PENGEMBANGAN 2009 DAN MESYUARAT AGUNG KPKR KE 44

**OLEH:
YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT BIN HASAN
KETUA PENGARAH RISDA**

TEMPAT: HOTEL M. S. GARDEN
KUANTAN, PAHANG
TARIKH: 21 JULAI 2009

- Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis
- Yang Berbahagia Dato' Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat)
- Yang Hormat Dato' Haji Mujahid bin Muhammad Yang DiPertua Kesatuan Pegawai Kanan RISDA
- Pengarah-Pengarah Bahagian
- Pengarah-Pengarah RISDA Negeri
- Pengurus- Pengurus Besar Anak Syarikat
- Ahli Jawatan Kuasa KPKR serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan pegawai RISDA sekalian

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

1. Penghargaan

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan Nya, kita dapat bertemu dalam satu majlis 2 dalam 1 iaitu Seminar Transformasi Pengembangan 2009 dan juga Mesyuarat Agung Kesatuan Pegawai Kanan RISDA kali ke 44 pada hari ini. Saya amat berbesar hati dan merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur serta Kesatuan Pegawai Kanan RISDA kerana menjemput saya bagi

3

menyampaikan sepatah dua kata, dan seterusnya merasmikan kedua-dua majlis ini.

Semenjak saya berada di RISDA, saya tidak berkesempatan untuk menghadiri mana-mana Mesyuarat Agung Kesatuan KPKR mahupun KPPR, tapi Alhamdulillah, pada hari ini, saya dapat bersama-sama dengan Tuan-Tuan dan Puan-Puan ahli Kesatuan.

2. Peranan Pegawai sebagai Pemimpin

Selaku pemimpin di dalam pelbagai peringkat, pegawai RISDA adalah penggerak dan pendorong kepada kejayaan organisasi. Proses mentadbir, menilai, membuat keputusan, berkomunikasi,

4

berinteraksi, merancang, dan memimpin menuntut pegawai yang mempunyai kebijaksanaan, berilmu pengetahuan dan berkemahiran. Kita hendaklah mempunyai fikiran yang kreatif dan inovatif untuk mencari kaedah terbaru bagi meningkatkan kecekapan proses kerja serta melaksanakan penambahbaikan yang berterusan selaras dengan keadaan semasa. Kita perlu mempunyai sikap keterbukaan, challenging the status quo, dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Perkembangan pesat teknologi dan globalisasi menuntut kita untuk mendahului cabaran yang mendatang. Jika kita masih leka dan berpuas hati dengan ilmu yang ada, bukan

sahaja pengetahuan yang kita miliki menjadi obsolete, malah kita juga akan menerima nasib yang sama. Sebagai “agen perubahan” atau penasihat utama, kita perlu sentiasa memperlengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran agar mampu berhadapan dengan pelbagai situasi. Kita harus mampu mempertahankan profesionalisme agar dapat melaksanakan tugas kepada masyarakat secara adil, amanah dan berkesan. Pegawai RISDA yang lebih kanan hendaklah bertindak sebagai mentor kepada pegawai muda yang baru menyertai perkhidmatan RISDA ini agar tradisi kecemerlangan RISDA dapat diteruskan.

Mengikuti Faye Wattleton, *'The only safe ship in a storm is leadership'*

3. Isu-isu semasa

Oleh kerana Seminar ini merupakan satu forum yang menemukan semua pegawai kanan RISDA, saya ingin menggariskan beberapa perkara penting yang perlu diberikan penumpuan dan penekanan oleh semua pegawai RISDA dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam. Kita perlu sentiasa peka dan maklum dengan isu-isu semasa kerajaan, kementerian dan juga yang berlaku dalam

7

organisasi RISDA sendiri. ***'Try not to become a man of success but rather to become a man of value' – Albert Einstein***

Pendekatan YAB Perdana Menteri:

Pertamanya, saya ingin memberi sedikit gambaran mengenai perkara-perkara baru yang diutarakan oleh Perdana Menteri kita dalam masa 100 hari kepimpinannya. Biarlah kita faham konsep-konsep ini supaya Tuan-tuan dan puan-puan sebagai pemimpin di RISDA dapat memberi gambaran yang betul bila ditanya oleh kakitangan atau pun pekebun kecil di lapangan. Jangan pulak kita jawab 'tak tau...',

8

3.1 Konsep 1 Malaysia, rakyat didahulukan pencapaian diutamakan

Konsep “1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” yang diperkenalkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri setelah dilantik untuk memegang pucuk pimpinan negara pada 3 April 2009 yang lalu, mempunyai signifikansi yang amat penting dengan Perkhidmatan Awam. “**1 Malaysia**” adalah satu falsafah yang umum dan mudah yang pada dasarnya bermakna kita berdiri, berfikir dan bertindak sebagai satu kumpulan, tanpa mengira latar belakang kaum mahupun agama. Semua agama ini membawa nilai-nilai yang dapat dikongsi bersama dan tidak

9

bertentangan dengan prinsip Islam seperti kebajikan, ketulusan, keadilan, kesederhanaan, dan kesepaduan. Nilai-nilai ini boleh dijadikan asas bagi mengurangkan konflik kaum. Oleh itu, saya berharap, saudara-saudari selaku Ketua dalam organisasi masing-masing, dapat mengamalkan corak pengurusan yang berdasarkan persefahaman antara kaum serta mengiktiraf perbezaan agama dan budaya, bagi mewujudkan keharmonian, bukan sahaja dalam organisasi, malah dalam negara.

Prinsip “Rakyat Didahulukan” bermakna kita perlu lebih prihatin terhadap keperluan dan kepentingan rakyat dengan

mempraktikkan konsep “Ikram” dalam perkhidmatan, iaitu melayani dan memuliakan pelanggan dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Penanda aras muktamad bagi RISDA ialah kepuasan hati pekebun kecil dan pihak yang berurusan dengan kita. Kalau kita dapat memberikan kepuasan kepada mereka yang merupakan pelanggan utama kita, maka itulah pencapaian sebenar KPI kita. Bantu dan tolonglah pekebun kecil yang datang kepada kita. Berikan komitmen dan tunjukkan kesungguhan sepenuhnya kepada mereka. Bantulah untuk menyelesaikan masalah mereka. Jangan sekali-kali mengatakan “tolong pergi ke pejabat lain” kepada mereka sebelum di kaji apa

masalah mereka itu. Dalam memberikan perkhidmatan terbaik, nilai-nilai yang perlu ditekankan ialah sifat prihatin, empati, bijaksana dalam berurusan dengan pelanggan, berfikiran positif dan terbuka, dan bersedia melakukan perubahan mengikut dasar dan kehendak semasa. Dalam hubungan ini, cara yang paling mudah untuk kita menghayati budaya kepuasan pelanggan adalah dengan cara “put ourselves in the shoes of the customers”. Apabila kita meletakkan diri kita seolah-olah sebagai seorang pelanggan yang sedang mendapatkan perkhidmatan, sudah tentu kita mengharapkan perkhidmatan tersebut dilaksanakan dengan penuh cekap, pantas dan tepat, dan

seterusnya kita akan berbuat demikian, Insya Allah. Oleh itu, perhatian harus diberikan untuk mengutamakan pelanggan dan melayani pelanggan dengan baik dan berkesan.

Melalui '**Pencapaian diutamakan**', kita dikehendaki untuk mencari jalan menerapkan mentaliti mengutamakan pencapaian dalam apa jua perkara yang dilaksanakan. Dalam hal ini, kita perlu meningkatkan kecekapan sistem penyampaian secara umum, malah yang lebih penting ialah untuk mempercepatkan tindakan bagi memastikan sesuatu perkara atau projek yang dilaksanakan benar-benar memberi impak yang diinginkan. Dalam keadaan

13

ekonomi yang tidak menentu ketika ini, kita harus lebih prihatin dan berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan **projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan akhirnya memberi impak ataupun 'outcome' yang diharapkan oleh masyarakat dan juga Kerajaan.** Kelewatan dalam melaksanakan projek pembangunan sudah tentunya akan melibatkan pertambahan kos yang lebih besar dan mengakibatkan pembaziran serta akan mengecewakan harapan rakyat.

Kita sekarang mempunyai seorang Menteri Kabinet yang menjaga KPI secara khusus dan semua Menteri dinilai mengikut KPI yang

14

telah ditetapkan. Dalam perkhidmatan awam, kita juga telah diarahkan untuk menetapkan Key Result Area (KRA), KPI, outcome dan impak dan kita dinilai berdasarkan petunjuk-petunjuk ini. Oleh itu, saya sangat berharap Tuan-Tuan dan Puan-Puan di lapangan memahami perkara ini dengan sebaik mungkin.

3.2 Precision - Ketepatan Masa dan Ketepatan Fakta

YAB Perdana Menteri juga ada menyebut mengenai 'Precision' atau ketepatan masa dan ketepatan fakta. Tugas kita sebagai penjawat awam merupakan satu amanah dan oleh itu harus dipikul dengan penuh ikhlas dan bertanggungjawab. Untuk

15

mencapai tahap yang diharapkan, kita perlu mengamalkan dan menitikberatkan prinsip-prinsip asas bekerja, iaitu antara lainnya ialah ketepatan masa dan ketepatan fakta, sikap lebih teliti dan terperinci dalam melaksanakan tugas, menanam falsafah "do it right the first time and never settle for less than the BEST" dalam diri masing-masing, dan melaksanakan sesuatu tugas melebihi ataupun sekurang-kurangnya mengikuti spesifikasi standard yang ditetapkan. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu kerja, maka dia melakukan dengan penuh ketelitian dan dengan sebaik-baiknya" (Hadis riwayat al-Baihaqi). Saya percaya, inilah

16

sifat ketepatan dan precision yang dimaksudkan oleh Y.A.B Perdana Menteri yang perlu dibudayakan oleh masyarakat Malaysia, dan kita selaku penjawat awam harus mempelopori usaha ini dengan memastikan perkhidmatan yang kita sediakan menepati prinsip-prinsip ketepatan. Budaya yang mementingkan prinsip ketepatan akan membolehkan Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang mengutamakan kualiti dan kecemerlangan seperti negara-negara Jepun, Switzerland dan Jerman. Sebagaimana kita ketahui, jam Swiss dan kereta buatan Jerman dan Jepun adalah begitu sinonim dengan ketepatan produk, kualiti dan kecemerlangan, yang sepatutnya dicontohi oleh kita

17

penjawat awam dan rakyat negara kita.

3.3 EKUINAS (Ekuiti Nasional)

EKUINAS atau Ekuiti Nasional telah ditubuhkan oleh Kerajaan bertujuan untuk memastikan penyertaan berkesan bumiputera dalam ekonomi negara. Dana Permulaan adalah sebanyak RM500 juta dan akan ditingkatkan sehingga RM 10 billion. Sumber peruntukan adalah 50% kerajaan dan 50% lagi dari swasta. Ekuiti adalah 100% kerajaan dan diurus oleh professional bumiputera. Perbezaan EKUINAS dengan PNB adalah PNB

18

memiliki ekuiti syarikat yang tersenarai manakala EKUINAS memiliki ekuiti syarikat belum tersenarai yang berpotensi tinggi.

3.4 Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC)

FIC atau Foreign Investment Committee atau Jawatankuasa Pelaburan Asing ditubuhkan untuk meningkatkan nilai tarikan negara sebagai destinasi pelaburan dan pekerjaan. Persaingan ekonomi global sekarang sangat mencabar. Prestasi FDI Negara kurang memberangsangkan (2007:USD 8 billion) berbanding negara jiran (Singapura dan India USD 32 billion). Sasaran sekurang-kurang 30% ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat

19

tidak tercapai selepas 35 tahun DEB. Ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat tidak banyak berubah dari tahun 1990 (19.3%) hingga 2006 (19.4%). Melalui Jawatankuasa ini, beberapa pendekatan telah di ambil untuk meningkatkan pelaburan asing dalam negara.

3.5 PPMSI – Penguasaan Bahasa Inggeris

Baru-baru ini Kerajaan telah memansuhkan PPMSI iaitu penggunaan bahasa inggeris dalam mata pelajaran mathematics dan sains di sekolah atas kehendak dan tekanan orang ramai dan juga atas faktor patriotisma. Pada pendapat peribadi saya, ini

20

adalah satu kerugian kepada bangsa melayu. Bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa. *Any nation aspiring for economic and industrial growth must develop links with the international business and trading community. And it can only do this effectively if we are able to interface with our counterparts in other countries confidently in English.* Sebagai Pegawai, kita juga mesti dapat menggunakan bahasa Inggeris dengan baik dalam penulisan dan pertuturan. *RISDA's representatives need competence in English if we are to secure a place on the cutting edge of global business.* Lebih baik lagi jika dapat menguasai

bahasa-bahasa lain, terutama bahasa-bahasa negara maju yang banyak mempunyai hubungan dagang dengan Malaysia.

Pendekatan YB Menteri KKLW

Baru-baru ini, kita telah berpeluang mendengar Amanat YB Menteri KKLW baru kita iaitu YB Dato' Seri Mohd. Shafie bin Hj. Apdal dan juga melalui lawatan YB Menteri ke RISDA pada 7 Mei. Beliau telah memberi penekanan kepada beberapa perkara:

3.6 Keyakinan dan kepercayaan rakyat

Pertama, YB Menteri telah menekankan kepada keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan yang disampaikan. **Keyakinan rakyat dan kepercayaan rakyat** yang dimaksudkan adalah seperti kata pepatah Inggeris ***people are confident that we are competent enough to deliver goods and the services*** (masyarakat yakin bahawa kita berkemampuan memberikan yang terbaik terhadap keluaran barangan dan perkhidmatan yang disediakan). Dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik ini, ia dapat mewujudkan kepercayaan masyarakat terhadap setiap apa yang kita perkatakan dan lakukan. Justeru itu,

23

YB Menteri yakin dengan cara ini kita dapat melahirkan masyarakat yang mampu menyempurnakan pelbagai hasrat kerajaan dalam membangunkan negara.

3.7 People Centric Projects

Kedua, Setiap projek dan perkhidmatan yang dirancang harus mempunyai pendekatan ***'People-Centric Project'*** iaitu mengutamakan projek yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat dengan lebih meluas.

24

3.8 Perubahan Mindset

Ketiga, YB Menteri juga telah berkali-kali menekankan **Perubahan Mindset (Change in mindset)**

- dengan mempelbagaikan fungsi dan peranan *plantation* menerusi R&D (*Research and Development*).
- menyediakan *marketing infrastructure* untuk produk-produk perladangan di samping menyediakan pelan promosi dan pemasaran di peringkat dalaman dan global.
- kesediaan individu yang terlibat untuk mencari ilmu pengetahuan, menghadiri siri-siri latihan yang berkaitan dan tidak segan untuk

25

bergaul dengan ahli-ahli korporat yang telah berjaya. Kita mesti mempunyai fikiran yang terbuka.

Proses perubahan *mindset* perlu mengambilkira aspek yang **memenuhi keperluan dan kehendak semasa termasuk budaya** di sesuatu tempat yang ingin dipasarkan. Ini bermakna pengusaha kampung yang ingin mengeluarkan sesuatu barangan perlu membuat kajian bagi memastikan barangan menepati pasaran. Pertimbangan dari segi **harga; pembungkusan; kualiti serta mutunya akan diambilkira supaya barangan adalah setanding dan mampu menyaingi barangan di peringkat antarabangsa.**

26

Downstream Activities

YB Menteri telah memberi penekanan kepada Aktiviti Hiliran. Oleh itu, sesuatu perlulah dilakukan untuk mengubah pendekatan RISDA, dengan melibatkan **pemprosesan di peringkat akar umbi** (downstream activities) secara lebih meluas untuk mengeluarkan barang-barang hasil daripada getah untuk **dieksport ke luar negara**. Apabila kita dapat mengeksport barangan berkenaan, peluang pekerjaan di kampung akan turut disediakan. Justeru itu, kemahiran yang ada perlu kita pertingkatkan menerusi kursus-kursus yang dilaksanakan sebelum ini. Ini adalah tugas yang perlu dilihat oleh BPE, Bahagian Khidmat

27

Pemasaran dan juga Anak Syarikat dalam meningkatkan mutu, mempelbagai serta menambah nilai produk pekebun kecil.

Isu Semasa RISDA

3.9 Pindaan Akta

3.10 Kes Saman

3.11 RISDA Holdings

3.12 Kerjasama FELDA/FELCRA/RISDA

3.13 Penubuhan Syarikat RISDA Baja

3.14 Koperasi Permodalan RISDA

28

4. Membina Kecemerlangan dalam RISDA

Marilah kita bersama-sama meningkatkan usaha dengan bekerja lebih tekun untuk melaksanakan segala strategi dan langkah yang telah diatur bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik, cepat dan berkesan. Pengurusan RISDA sentiasa menaruh keyakinan penuh terhadap saudara-saudari dalam melaksanakan tugas. Kita sentiasa akan menyokong apa jua inisiatif yang baik yang perlu dilakukan. Dalam hubungan ini, saya ingin mengajak semua untuk membina kecemerlangan di dalam PT masing-masing berdasarkan nilai-nilai murni yang ingin diterapkan melalui Dasar dan Pekeliling yang sedia ada. Di setiap peringkat dalam

29

organisasi kita, perlu cemerlang. Sekiranya beberapa pegawai sahaja yang cemerlang, maka ini tidak akan memberi manfaat yang diharapkan. Kecemerlangan perlu diterapkan di setiap peringkat –RO yang cemerlang, PRD yang cemerlang, PRN yang cemerlang dan seterusnya Pengarah Bahagian yang cemerlang. Kesemua dari kita perlu mengejar kecemerlangan. Apabila ciri-ciri kecemerlangan ini dihayati dan diamalkan oleh setiap kakitangan, saya percaya Perkhidmatan RISDA akan mencapai matlamat kelas pertama, Insya Allah.

30

5. Penutup

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana telah menjemput saya bagi merasmikan Seminar dan Mesyuarat Agung ini.

Marilah kita sama-sama mohon ke hadrat Allah SWT mudah-mudahan kita sentiasa di beri petunjuk dan hidayah untuk kita menjalankan tugas kita ini. Semoga Allah SWT merestui niat murni dan memberkati segala usaha kita untuk memartabatkan RISDA ke tahap yang gemilang dan terbilang

31

Mengikut Aristotle, *'Pleasure in job puts perfection in the work'*.

Sir Winston Churchill pernah berkata: *'We make a living by what we get, we make a life by what we give'*.

Dengan kata-kata itu, dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya merasmikan Seminar Transformasi Pengembangan 2009 dan Mesyuarat Agung Kesatuan Pegawai Kanan RISDA kali ke 44.

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullah.

32